

JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.06.01/10.12/22Jld. 2 (49)

03 Mei 2021

PEKELILING PELAJAR BIL. 4/2021

ARAHAN TERKINI BERKAITAN DENGAN PERGERAKAN PELAJAR SEMPENA CUTI HARI RAYA AIDILFITRI 2021

Dimaklumkan bahawa pihak Universiti melalui Jawatankuasa Pergerakan Pelajar dalam Kampus telah bersetuju membenarkan pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pulang ke rumah masing-masing sempena Cuti Hari Raya Aidilfitri **kecuali negeri Sarawak**. Keputusan ini adalah selaras dengan Kenyataan Media yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) merujuk kepada Mesyuarat Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) bertarikh 28 April 2021.

Walau bagaimanapun, para pelajar diberi pilihan untuk pulang ke rumah atau kekal berada di dalam kampus sepanjang cuti perayaan tersebut. Bagi tujuan kawalan pergerakan, **tarikh yang ditetapkan untuk pelajar Universiti Teknologi Malaysia pulang ke rumah adalah bermula 7 - 12 Mei 2021 manakala pulang semula ke kampus pada 16 - 20 Mei 2021**.

Para pelajar dibenarkan pulang ke rumah menggunakan tiga (3) pilihan sahaja iaitu dengan menaiki **kenderaan sendiri, dijemput oleh ibu bapa / penjaga atau menaiki bas yang disediakan oleh pihak Universiti**.

Standard Operating Procedure (SOP) pergerakan pelajar pulang ke rumah sempena Cuti Hari Raya Aidil Fitri adalah sepertimana kategori berikut :

A. Bagi pelajar sedia ada di dalam kampus

1. Mengisi Google Form khas yang disediakan oleh pihak Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar).
2. Mendapatkan surat kebenaran balik kampung **dan** surat pergerakan rentas negeri/ daerah daripada Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar)
3. Pelajar akan diberikan tarikh masuk kampus dan dikehendaki pulang ke kampus mengikut tarikh yang dinyatakan dalam surat kebenaran
4. Bagi mana-mana pelajar yang tidak mempunyai kenderaan untuk pulang ke rumah boleh menggunakan perkhidmatan bas yang disediakan oleh Universiti melalui program 'Jom Balik Kampung'. Kos pengangkutan adalah di bawah tanggungan pelajar sendiri.

5. Oleh kerana kes harian Covid-19 negara menunjukkan trend peningkatan maka, pihak Universiti telah bersetuju supaya **semua pelajar dari kawasan PKP yang kembali ke kampus selepas cuti Hari Raya Aidil Fitri dikehendaki menjalani isolasi selama sepuluh (10) hari mengikut tarikh yang ditetapkan.**
6. Pematuhan terhadap *Standard Operating Procedure (SOP)* isolasi sedia ada adalah **wajib.**
7. **Bagi pelajar yang ingin terus berada di kampung/kediaman dan tidak kembali pada semester ini** dikehendaki mendapatkan **surat kebenaran** dari pihak **Pengetua Kolej Kediaman** masing-masing. Walau bagaimanapun, pihak Universiti boleh mengarahkan pelajar untuk kembali ke kampus tertakluk kepada arahan Universiti.

B. Bagi pelajar yang kali pertama masuk kampus selepas Cuti Hari Raya Aidil Fitri

1. Pelajar dikehendaki membuat permohonan masuk kampus melalui Sistem UTMSmart.
2. Pelajar dikehendaki membuat pilihan tarikh masuk kampus berdasarkan tarikh-tarikh yang telah ditetapkan sahaja seperti berikut :

Kampus Johor Bahru

- (i) Kemasukan Fasa 1 (Bermula 17-19 Mei 2021)
- (ii) Kemasukan Fasa 2 (Bermula 28-30 Mei 2021)
- (iii) Kemasukan Fasa 3 (Bermula 8-10 Jun 2021)
- (iv) Kemasukan Fasa 4 (Bermula 17-19 Jun 2021)

Kampus Kuala Lumpur

- i) Kemasukan Fasa 1 (Bermula 17-19 Mei 2021)
3. **Pelajar dari kawasan PKP dan PKPD yang kembali ke kampus selepas cuti Hari Raya Aidilfitri dikehendaki menjalani isolasi selama sepuluh (10) hari mengikut tarikh yang ditetapkan.**
4. Pematuhan terhadap *Standard Operating Procedure (SOP)* isolasi sedia ada adalah **wajib.**

Sebarang pertanyaan boleh merujuk kepada Hotline Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) di talian 011-18687022 atau UTM Kuala Lumpur 017-2424122.


Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih

“Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi COVID-19”

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DR. SHAMSUL BIN SAHIBUDDIN)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Universiti Teknologi Malaysia

b.p. Naib Canselor

✉ : shamsul@utm.my